

Makmal mini dadah terbongkar

Makmal mini dadah terbongkar

KLANG - Helah beroperasi di sebalik rumah teres tiga tingkat sebagai makmal mini haram memproses dadah terbongkar dalam serbuan di sini Khamis lalu, susulan tertangkapnya lima individu termasuk tiga sekeluarga.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli berkata, serbuan dijalankan sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan, bermula jam 1 petang.

Menurutnya, empat suspek ditahan di sebuah restoran di Pandamaran.

"Bertindak atas maklumat, polis menahan seorang lagi suspek di Taman Sejati.

"Soal siasat berjaya membongkar sebuah makmal memproses dadah dipercayai syabu yang beroperasi di sebuah rumah teres tiga tingkat di Bandar Botanic.

"Polis merampas pelbagai peralatan memproses dadah disyaki syabu seberat kira-kira 100 gram dan 3.85 kilogram minyak syabu, dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM110,000," katanya pada sidang media di IPD Klang Selatan,



Shamsul Amar (dua, kiri) menunjukkan peralatan digunakan dalam memproses dadah jenis syabu berhubung kes pembongkaran makmal dadah di Bandar Botanic pada sidang media, semalam.

semalam.

Beliau berkata, tiga daripada suspek mempunyai ikatan kekeluargaan iaitu bapa, anak dan menantu, manakala dua lagi adalah rakan sejenayah.

"Suspek dikatakan menyewa rumah teres tersebut dengan sewa RM2,000 sebulan. Kami masih menyiasat daripada mana sumber barang memproses diperolehi, tapi percaya dadah ini untuk pasaran

tempatan.

"Kami turut menyita barangan berjumlah RM450,000 membabitkan empat kereta jenis Toyota Estima, Toyota Vios dan Toyota Wish, empat bentuk cincin serta wang tunai berjumlah RM1,600," katanya.

Menurutnya, semua suspek berusia 18 hingga 53 tahun kini direman dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.